

UNIT 6 :

MAKANAN HALAL DAN HARAM

TEMA	:	AL-QURAN (AYAT KEFAHAMAN)
TAJUK	:	SURAH AL BAQARAH AYAT 168
STANDARD KANDUNGAN	:	6.1 Ayat 168 Surah Al Baqarah : Makanan halal dan haram dalam kehidupan.
OBJEKTIF PEMBELAJARAN (OP)	:	6.1.1 Membaca dan menterjemah ayat 168 surah Al Baqarah.
	:	6.1.2 Menyenaraikan sekurang-kurangnya 3 pengajaran ayat 168 Surah Al-Baqarah dengan betul.
	:	6.1.3 Melengkapkan sekurang-kurangnya 3 ciri-ciri pada logo halal dengan betul.
	:	6.1.4 Membanding beza sekurang-kurangnya 3 ciri-ciri makanan halal dan haram.
	:	6.1.5 Menilai dan menyenaraikan sekurang-kurangnya 2 akibat tidak menjaga hukum halal dan haram dalam pemakanan.
	:	6.1.6 Mengamalkan pemakanan yang halal dalam kehidupan harian.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH		
STANDARD PRESTASI		TAHAP PENGUASAAN
TP 1	Menyatakan terjemahan ayat 168 Surah Al-Baqarah	
TP 2	Menerangkan isi-isi penting ayat 168 Surah Al-Baqarah	
TP 3	Mengaplikasikan pengajaran harian dalam ayat 168 Surah Al-Baqarah dalam kehidupan harian	
TP 4	Membanding beza ciri-ciri makanan halal dan haram	
TP 5	Menilai kesan pemakanan halal dan haram dalam kehidupan harian	
TP 6	Sentiasa mengamalkan pemakanan yang halal dalam pelbagai situasi dan keadaan	

Hari : _____

Tarikh : _____

UNIT 6 :**MAKANAN HALAL DAN HARAM**

6.1.1 Membaca dan menterjemah ayat 168 surah Al Baqarah.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Yaa ai yu han naa su ku luu mim maa fil ardhi halaa lan toy yi
baw wa laa tat ta bi 'uu khu tu waa tisy syai toon in na huu la
kum a'duw wum mu biin.

Maksudnya:

Wahai **manusia**, **makanlah** daripada apa-apa yang terdapat di
bumi yang halal lagi **baik**, dan **janganlah kamu mengikut** jejak
Langkah **syaitan** Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata.

Tuliskan maksud bagi kalimah di bawah.

Kalimah	Maksud	Kalimah	Maksud
كُلُوا		وَلَا تَتَّبِعُوا	
طَيِّبًا		النَّاسُ	
فِي الْأَرْضِ		الشَّيْطَانِ	

Hari : _____

Tarikh : _____

6.1.2 Menyenaraikan sekurang-kurangnya 3 pengajaran ayat 168 Surah Al-Baqarah dengan betul.

Senaraikan 5 pengajaran ayat dari Surah Al-Baqarah ayat 168.

➔ Semua umat Islam wajib _____

➔ Kita dituntut supaya _____

➔ Makanan seimbang yang _____

➔ Setiap Muslim mesti berwaspada _____

➔ Berhati-hatilah ketika memilih _____

Hari : _____

Tarikh : _____

6.1.3 Melengkapkan sekurang-kurangnya 3 ciri-ciri pada logo halal dengan betul.

Terangkan ciri-ciri pada logo HALAL di bawah

Tulisan Malaysia dalam Bahasa Arab	Bintang berbucu lapan ditengah-tengah bulatan	Perkataan Malaysia melengkung dalam rumi
Perkataan halal dalam tulisan rumi	Bintang berbucu lima di kiri dan kanan	Luar berbentuk bulat
Perkataan halal dalam tulisan jawi		



Bagaimanakah cara anda menentukan makanan yang halal?

Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu makan makanan yang halal?

Hari : _____

Tarikh : _____

6.1.4 Membanding beza sekurang-kurangnya 3 ciri-ciri makanan halal dan haram.

Kelaskan mengikut ciri-ciri makanan halal dan haram yang betul.

Haiwan yang halal dimakan disembelih mengikut syariat Islam	Arak dan minuman yang menghilangkan kewarasan akal fikiran
Makanan daripada sumber rezeki yang halal	Makanan yang telah ditetapkan halal oleh syarak
Makanan yang telah disahkan halal oleh JAKIM melalui logo halal	Makanan yang berpunca dari rezeki yang haram
Haiwan yang telah diharamkan oleh syariat Islam	Makanan halal yang tidak bercampur dengan najis dan bahan yang memudaratkan
Makanan yang boleh memudaratkan kesihatan	Bangkai dan haiwan yang disembelih tanpa menyebut nama Allah SWT

CIRI MAKANAN HALAL

CIRI MAKANAN HARAM

Hari : _____

Tarikh : _____

Tuliskan contoh makanan yang halal dimakan dan haram dimakan.



Contoh makanan halal

Contoh makanan haram

Tulis contoh makanan atau pekerjaan yang sesuai mengikut butiran berikut:

Haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang dihalalkan oleh syarak.

--

Makanan yang memudaratkan kesihatan.

--

Minuman yang memabukkan dan merosakkan akal fikiran.

--

Makanan yang telah diharamkan oleh syariat Islam.

--

Makanan daripada sumber rezeki yang halal.

--

Makanan daripada sumber rezeki yang tidak halal.

--

Hari : _____

Tarikh : _____

6.1.5 Menilai dan menyenaraikan sekurang-kurangnya 2 akibat tidak menjaga hukum halal dan haram dalam pemakanan.

Pilih dan senaraikan 5 akibat tidak menjaga hukum halal dan haram dalam pemakanan.

Disayangi oleh keluarga, masyarakat dan Rasulullah SAW	Hati menjadi kotor serta sukar menerima hidayah daripada Allah SWT
Mendapat azab di akhirat kelak	Sukar untuk menerima kebenaran.
Ibadah yang dikerjakan menjadi sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT	Dimasukkan ke dalam syurga dan mendapat rahmat Allah SWT
Badan menjadi sihat dan cergas	Memudaratkan kesihatan tubuh badan dan kewarasan akal fikiran.

1.

2.

3.

4.

5.

Hari : _____

Tarikh : _____

6.1.6 Mengamalkan pemakanan yang halal dalam kehidupan harian.

Bulatkan skala yang menunjukkan amalan kamu.

1. Tidak pasti

2. Tidak setuju

3. Setuju

4. Sangat setuju

1.	Saya akan pastikan makanan yang dibeli mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh Jakim.	1 2 3 4
2.	Saya akan meneliti setiap bahan yang digunakan dalam semua jenis makanan di dalam tin sekiranya tidak terdapat logo halal yang diiktiraf oleh Jakim.	1 2 3 4
3.	Saya sangat berhati-hati ketika membeli makanan untuk mengelakkan diri daripada terbeli barangan yang haram.	1 2 3 4
4.	Saya rasa bersyukur apabila memakan makanan yang halal.	1 2 3 4
5.	Saya percaya makanan yang berkhasiat akan menyihatkan tubuh badan.	1 2 3 4

Skor jawapan :

1 - 12 : Kamu perlu meningkatkan amalan pemilihan makanan halal dan menjauhi makanan haram.

13 - 20 : Kamu seorang yang mengamalkan pemakanan halal dalam kehidupan